

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/M13/JLD 5 (83)

Tarikh: 18 Oktober 2013

KENYATAAN MEDIA

PELAKSANAAN SISTEM HAD MASA MELETAK KENDERAAN DI KAWASAN PUSAT BANDAR DATARAN SUNWAY, PJU 5 KOTA DAMANSARA, PETALING JAYA.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah meluluskan pelaksanaan sistem had masa meletak kenderaan secara percubaan 3 bulan di Pusat Bandar Dataran Sunway, PJU 5, Kota Damansara, Petaling Jaya. Had masa yang ditetapkan adalah untuk tempoh masa 2 jam sahaja dan telah pun bermula pada 15 Oktober 2013 dan akan berakhir pada 14 Januari 2014.

Sistem ini dilaksanakan bagi mengurangkan masalah kesesakan lalulintas di kawasan Pusat Bandar akibat kenderaan yang diletakkan secara berlapis (double parking). Selain itu, ia bertujuan menggalakkan pemilik kenderaan yang meletakkan kenderaan untuk tempoh masa lama menggunakan kemudahan tempat letak kereta di Kompleks Letak Kereta yang disediakan. Kadar caj letak kereta di Kompleks ini adalah RM 1.00 untuk 3 jam pertama dan RM 1.00 setiap jam berikutnya dengan caj maksima RM 7.00 ke RM 8.00. Bagi pemandu kenderaan yang meletak kenderaan untuk tempoh masa singkat iaitu kurang dari 2 jam, mereka digalakkan meletak kenderaan di atas jalan (on street parking).

Kemudahan petak kereta yang disediakan di kawasan Pusat Bandar Dataran Sunway adalah seperti berikut :-

| | | |
|------------------------|---|-------------|
| Kompleks Giza | - | 840 petak |
| Kompleks Central Park. | - | 642 petak |
| Atas jalan | - | 1,487 petak |

Orang awam diminta memberikan kerjasama penuh dengan mematuhi had masa yang ditetapkan kerana kegagalan mematuhi had masa ini akan menyebabkan kenderaan mereka di kunci dan Majlis akan mengambil tindakan menunda kenderaan-kenderaan yang diletakkan di luar petak kereta.

Sistem ini akan dilaksanakan di seluruh Pusat Bandar seluruh Petaling Jaya yang mengalami masalah kesesakan lalulintas sekiranya sistem ini di dapati berkesan atau memberii impak yang positif ke atas penyelesaian kepada masalah kesesakan lalulintas. Pandangan orang awam tentang perlaksanaan sistem had masa meletak kenderaan ini bolehlah disalurkan terus ke alamat emel berikut :-parkingbermasa@mbpj.gov.my atau menghubungi Jabatan Kejuruteraan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya di talian 03-79584221.

Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Petaling Jaya

Laman web : www.mbpj.gov.my , facebook: Petaling Jaya City Council,
twitter : [pjcitycouncil](#), emel : media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/208,
Faks : 03-79582695. ([Puan Zainun bt Zakaria](#), / [En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar](#))